

BERITA HARIAN

DATE: 12 / 08 / 2007

# Dasar Inovasi Negara manfaat saintis tempatan

BH-12/8/2007

## Cadangan kementerian atasi masalah penyelidikan terbengkalai

Oleh Mohamed Farid Noh

**K**UALA LUMPUR: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi akan memperkenalkan Dasar Inovasi Negara untuk memberi insentif kepada saintis tempatan dan pihak industri yang mengkomersialkan produk berteras sains dan teknologi di pasaran tempatan mahupun antarabangsa.

Menterinya, Datuk Seri Dr Jamaluddin Mohd Jarjis, berkata dasar itu diperkenalkan kerana banyak paten atau ilmu sains yang terbengkalai di makmal tidak dibawa ke pasaran kerana tiada sumber kewangan mencukupi.

Beliau berkata, cadangan itu akan dikemukakan ke Jawatankuasa Inovasi yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk dijadikan dasar

baru negara.

“Kerajaan mahu membantu dalam pemberian insentif dan menyediakan cara mengurangkan risiko pelabur. Kita mahu pelabur negara kita melabur dalam sains yang dirintis oleh saintis tempatan.

“Kita kena cari jalan mewujudkan peluang pekerjaan masa akan datang kerana ekonomi kita tidak selamanya mampu bergantung kepada sumber kelapa sawit atau getah saja.

“Kita mesti membangunkan industri moden berteknologi tinggi untuk membina kemakmuran dan ekonomi baru negara selaras dengan harapan perdana menteri,” katanya selepas menutup Simposium Sains, Teknologi dan Inovasi Antarabangsa: Ke Arah Dunia Islam Lebih Makmur dan Selamat, di sini, semalam.

Hadir sama, Naib Presiden Akademi Sains Malaysia (ASM), Prof Da-

tuk Dr Mazlan Othman; Ketua Pengarah Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (Isis), Prof Dr Mahani Zainal Abidin dan Penolong Ketua Pengarah (Sains Asasi) Persidangan Serantau Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Unesco), Dr Walter R Erdelen.

Jamaluddin berkata, Perdana Menteri mahu negara berkemampuan membina produk yang berasaskan sains dan teknologi yang boleh dieksport ke pasaran dunia berdasarkan ilmu sains yang cipta sendiri.

“Ini untuk mewujudkan peluang pekerjaan dan mengeksport produk berjenama tempatan ke pasaran dunia berdasarkan ilmu sains yang dicipta saintis negara bukan perkara yang mudah,” katanya.

Sementara itu, tokoh sains ternama Mesir yang juga pemenang ha-

diah Nobel Kimia 1999, Prof Dr Ahmed H Zewail menyifatkan konsep Islam Hadhari diilhamkan Perdana Menteri sebagai pemikiran Islam baru yang moden.

Beliau berkata, konsep itu adalah sebagai kesinambungan proses pemikiran Islam moden abad ke-21 yang membolehkan pelbagai perkara baru dirintis oleh masyarakat Islam yang sebelum ini sukar menerima perkara baru dengan alasan kononnya dikelang agama.

“Konsep Islam Hadhari membolehkan umat Islam berfikir, menafsir dan mencuba pelbagai perkara baru tanpa meminggirkan kepercayaan terhadap Islam.

“Konsep ini sangat menarik untuk dikaji dan diikuti negara Islam lain yang ingin mengamalkan kesederhanaan dalam pelbagai aspek kehidupan,” katanya.